

D.R. 5/93

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1993. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Seksyen 2 dan 4 Akta ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 20hb November 1992.

2. Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda— Pindaan Perkara 113.

(a) dengan memasukkan, selepas perkataan "Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah" dalam perenggan (i) Fasal (3A), perkataan ", tertakluk kepada Fasal (3B),"; dan

(b) dengan memasukkan, selepas Fasal (3A) Fasal baru yang berikut:

"(3s) Jika sesuatu pindaan kepada Perkara 46 atau suatu undang-undang diperbuat oleh

Dewan Undangan sesuatu Negeri yang disebut dalam perenggan (i) Fasal (3A) mula berkuatkuasa selepas lapan tahun berlalu dari tarikh siapnya kajian semula yang terakhir di bawah Fasal (2) dan Suruhanjaya Pilihanraya berpendapat bahawa adalah perlu dijalankan suatu kajian semula di bawah Fasal (2), maka Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh menjalankan kajian semula di bawah perenggan (i) Fasal (3A) tetapi sebaliknya hendaklah menjalankan kajian semula di bawah Fasal (2) dan dalam mengendalikan kajian semula sedemikian hendaklah mengambil kira mana-mana kawasan yang tersentuh berikutan dengan pindaan atau undang-undang yang disebut dalam perenggan (i) Fasal (3A)."

Pindaan
Jadual
Kelapan.

3. Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perkataan "seksyen 1(2)," dalam seksyen 22, perkataan "seksyen 1A,".

Pindaan
Akta A837.

4. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 adalah dipinda—

- (a) dengan memansuhkan seksyen 3 seolah-olah seksyen itu tidak pernah menjadi sebahagian daripada Akta itu; dan
- (b) dalam seksyen 4, dengan memotong perkataan "berikutan dengan kajian semula yang dijalankan menurut Fasal (3A) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan dan Jadual Ketiga Belas tersebut".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Perkara 113 dan Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan, serta juga memansuhkan seksyen 3 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Perkara 113 Perlembagaan dengan menambahkan Fasal baru {3e}. Fasal baru

ini bertujuan memperuntukkan bahawa jika pertambahan dibuat kepada keanggotaan Dewan Rakyat di bawah Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan atau keanggotaan sesuatu Dewan Undangan Negeri melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu, dan pertambahan sedemikian berlaku selepas lapan tahun berlalu dari tarikh siapnya kajian semula yang terakhir yang dijalankan menurut Fasal (2) Perkara 113, maka, jika Suruhanjaya Pilihanraya berpendapat bahawa suatu kajian semula di bawah Fasal (2) Perkara 113 adalah perlu, Suruhanjaya Pilihanraya diberi kuasa untuk menjalankan kajian semula di bawah Fasal (2) tanpa mengira bahawa pertambahan sedemikian akan memerlukan Suruhanjaya mengendalikan kajian semula mengikut Fasal (3A) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Dalam mengendalikan kajian semula itu Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah mengambil kira kawasan mana-mana bahagian pilihanraya yang tersentuh oleh pertambahan itu.

3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 22 Jadual Kelapan untuk memasukkan sebutan mengenai seksyen 1A yang peruntukan-peruntutannya tidak terpakai bagi Negeri-Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 untuk memansuhkan seksyen 3 Akta itu. Pemansuhan ini hendaklah mula berkuatkuasa secara kebelakangan pada tarikh yang sama dengan tarikh Akta pindaan itu mula berkuatkuasa. Pindaan lain, yang dibuat kepada seksyen 4 Akta itu, ialah pindaan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U) 1754.]